



Plantation

KENYATAAN DASAR KELESTARIAN & KUALITI KUMPULAN

KENYATAAN DASAR KELESTARIAN & KUALITI KUMPULAN

Sime Darby Plantation Berhad (SDPB) beriltizam menjadi pengeluar dan pembekal bersepadu terunggul minyak sawit mapan yang disahkan. Dalam mengejar matlamat kelestarian kami seiring dengan Agenda Global 2030, kami komited untuk;

Mempromosi tadbir urus yang baik dan telus;

- Menanam budaya berintegriti
- Mematuhi Polisi & Autoriti Kumpulan dan Kod Tatalaku Perniagaan Syarikat
- Mematuhi undang – undang serta peraturan berkaitan di setiap negara operasi
- Menyematkan penilaian risiko kelestarian dan kualiti di dalam operasi dan proses membuat keputusan
- Memastikan kebolehkesanan rantai bekalan
- Melaporkan pencapaian prestasi kelestarian secara terbuka

Menyumbang kepada masyarakat yang lebih baik;

- Menghormati, menegakkan & tidak mengeksploitasi hak – hak asasi manusia
- Menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat serta melindungi kebajikan perkerja
- Melibatkan dan memberdayakan komuniti

Meminimakan bahaya kepada alam sekitar;

- Memulihara dan meningkatkan biodiversiti dan ekosistem
- Tiada penebangan hutan dan pembangunan baru di tanah gambut
- Meningkatkan daya tahan terhadap kesan perubahan iklim
- Menerima pakai penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab

Merealisasikan kualiti mampan;

- Memuaskan pelanggan melalui produk dan perkhidmatan yang berkualiti
- Menerima pakai piawaian dan amalan kualiti yang lestari
- Penghasilan nilai yang berterusan melalui inovasi dan kecemerlangan operasi

Dasar ini hendaklah berpandukan komitmen yang dinyatakan di dalam;

- Piagam Pertanian Bertanggungjawab (PPB)
- Piagam Hak Asasi Manusia (PHAM)
- Piagam Inovasi & Produktiviti (PIP)

Mohamad Helmy Othman Basha
Pengarah Urusan Kumpulan
2 Disember 2019